



PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI 2/2024



PUSAT LATIHAN TEKNOLOGI TINGGI (ADTEC) KEMAMAN
JABATAN TENAGA MANUSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
PAYOH, 24210 KEMASIK
TERENGGANU DARUL IMAN
www.adteckmn.gov.my

TEL : 09-8664000
FAKS : 09-8671020

SENARAI KEPERLUAN & BAYARAN BAGI PELAJAR BAHARU ADTEC KEMAMAN SESI JULAI 2024

Sila baca butiran panduan dan keperluan pendaftaran dengan teliti bagi memastikan proses pendaftaran dapat dijalankan dengan lancar.

1. BAYARAN INSURAN BERKELOMPOK DAN AKTIVITI PELAJAR BAHARU

Berikut adalah senarai keperluan dan aktiviti pelajar baharu yang perlu dibayar secara tunai pada hari pendaftaran :

| BIL | SENARAI KEPERLUAN & AKTIVITI PELAJAR | BAYARAN (RM) | |
|----------------------------|--------------------------------------|--------------|---------------|
| | | 2 Tahun | 3 Tahun |
| 1. | Insuran Berkelompok RM30.25/tahun | 60.50 | 90.75* |
| 2. | Aktiviti Pelajar | 30.00 | 30.00 |
| JUMLAH BAYARAN (RM) | | 90.50 | 120.75 |

*Pelajar lepasan SPM (Diploma Teknologi Penyelenggaraan Bangunan & Fasiliti) sahaja

2. BARANGAN KEPERLUAN PELAJAR UNTUK LATIHAN DAN ASRAMA

Berikut adalah senarai keperluan pelajar yang boleh didapati di institut pada Hari Pendaftaran :

| BIL | SENARAI KEPERLUAN | HARGA (RM) |
|---|--|---------------|
| 1. | Kad Matrik | 15.00 |
| 2. | Fail Portfolio RM 20.00 x 3 unit | 60.00 |
| 3. | Fail aktiviti MSR | 70.00 |
| 4. | Beg sandang MSR | 36.00 |
| 5. | Jaket Bengkel | 67.00 |
| 6. | Baju Korporat (lelaki sahaja) | 70.00 |
| 7. | Baju Korporat (perempuan sahaja) | 80.00 |
| 8. | Kasut keselamatan | 69.00 |
| 9. | Cadar & Sarung Bantal RM 32.00 X 2 set | 64.00 |
| 10. | Token Dobi (1 semester) | 50.00 |
| 11. | Tali Leher JTM (lelaki sahaja) | 27.00 |
| 12. | T-Shirt Latihan RM 36.00 x 2 helai (lelaki sahaja) | 72.00 |
| 13. | T-Shirt Latihan RM 37.00 x 2 helai (perempuan sahaja) | 74.00 |
| Jumlah Keperluan Pelajar Lelaki | | 600.00 |
| Jumlah Keperluan Pelajar Perempuan | | 585.00 |

Semua urusniaga pembelian barangan dibuat secara **TUNAI** atau melalui kod QR pada hari pendaftaran.

3. KEPERLUAN / KELENGKAPAN PERIBADI

3.1 Keperluan pakaian semasa Latihan/Solat/Bersukan

Berikut adalah senarai keperluan latihan dan peribadi yang perlu disediakan sendiri oleh setiap pelajar :

- (i) Seluar bengkel berwarna hitam bagi latihan bengkel – 2 helai (semua pelajar).
- (ii) Tudung berwarna putih – latihan bengkel (pelajar perempuan beragama Islam).
- (iii) Pakaian solat pelajar Islam - Sejadah, baju melayu dan songkok/kupiah (pelajar lelaki) dan pakaian solat lengkap (pelajar perempuan).
- (iv) Pakaian yang sopan dan menutup aurat untuk aktiviti-aktiviti pelajar.
- (v) Peralatan sukan mengikut keperluan seperti but bola, reket badminton dan lain-lain keperluan sukan serta riadah.
- (vi) Lain-lain keperluan latihan yang berkaitan.
- (vii) Lain-lain keperluan asrama yang perlu seperti bantal, tuala, selimut, penyangkut baju, tuala, baldi, barang kebersihan diri dan lain-lain.

3.2 Keperluan semasa Minggu SiratulRahim (MSR)

Keperluan pakaian semasa Minggu Siratulrahim (MSR):

- (i) **T-Shirt putih berkolar lengan pendek/panjang tanpa sebarang corak atau tulisan– 1 helai**
- (ii) Seluar sukan/track – 1 helai
- (iii) Kasut sukan – 1 pasang
- (iv) Pakaian solat lengkap pelajar Islam dan kupiah (pelajar lelaki) – 1 pasang.

4. PEMBUKAAN BUKU AKAUN *CIMB ISLAMIC / CONVENTIONAL (SAVING)* : BAGI PELAJAR YANG MEMOHON PINJAMAN PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (PTPK) SAHAJA.

Pelajar-pelajar yang akan memohon Pinjaman Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) diwajibkan membuka Akaun *CIMB Islamic / Conventional (Saving)* di mana-mana cawangan CIMB yang terdekat sebelum hari pendaftaran atau di kaunter CIMB pada hari pendaftaran. Sila bawa slip no. akaun *CIMB Islamic / Conventional (Saving)*.

5. PERMOHONAN PINJAMAN PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (PTPK)

Panduan mengisi borang permohonan pinjaman PTPK dan syarat-syarat kelayakan boleh dirujuk dalam laman web ADTEC Kemaman di pautan:

<http://apps.adteckmn.gov.my/ptpk>

Maklumat jumlah anggaran kasar (tidak termasuk insuran pinjaman) bagi pinjaman PTPK secara keseluruhan adalah seperti berikut :

| JENIS KURSUS | YURAN PENGAJIAN RM1500/ SEM.* | YURAN ASRAMA RM308/SEM.* | ELAUN SARA HIDUP (ESH) RM400/BULAN ** | JUMLAH |
|--|--|--------------------------------|--|--------------------|
| Diploma Teknologi (DT) Bidang Lain | | | | |
| Tempoh : 16 bulan | RM3,000.00 | RM616.00 | RM6,400.00 | RM10,016.00 |
| Tempoh : 18 bulan | RM3,000.00 | RM616.00 | RM7,200.00 | RM10,816.00 |
| Diploma Teknologi (DT) Elektrik Kuasa | | | | |
| Tempoh : 24 bulan | RM4,500.00 | RM1, 124.00 | RM9,600.00 | RM15,224.00 |
| Diploma Teknologi (DT) Penyelenggaraan Bangunan & Fasiliti | | | | |
| Tempoh : 36 bulan | RM7,500.00 | RM1,540.00 | RM14,400.00 | RM23,440.00 |

* Tiada yuran pengajian dan asrama dikenakan selama tempoh pelajar menjalani Latihan Industri di luar ADTEC Kemaman.

** Pinjaman maksimum bagi Elaun Sara Hidup (ESH) adalah RM 400/bulan (Kadar ESH bulanan RM0/RM100/200/300/400 bergantung kepada pilihan pelajar)

6. PEMERIKSAAN PERUBATAN

Pelajar hendaklah **membuat pemeriksaan kesihatan sendiri** di pusat perubatan kerajaan atau pusat perubatan swasta **sebelum** tarikh pendaftaran (tidak perlu x-ray).

7. SYARAT TAWARAN

- (i) Tawaran kursus dan tempat latihan adalah **MUKTAMAD**. Sebarang rayuan pertukaran kursus dan tempat latihan tidak akan dilayan.
- (ii) Jabatan berhak untuk menarik balik tawaran bila-bila masa atau singkirkan bakal pelajar pada satu-satu masa sepanjang tempoh latihan jika didapati kenyataan dan maklumat yang diberikan adalah palsu atau didapati gagal memenuhi mana-mana syarat kelayakan masuk yang ditetapkan.

8. ETIKA PAKAIAN PADA HARI PENDAFTARAN

Etika penampilan dan pakaian semasa hari pendaftaran adalah seperti berikut :-


- (i) **Lelaki**
 - Berkemeja lengan panjang (warna putih KOSONG) dan berseluar slack (warna hitam).
 - Rambut pendek (potongan keseluruhan no. 2).
 - Berkasut hitam lengkap berstokin.

- (ii) **Perempuan**
 - Berbaju kurung (warna putih KOSONG) dan kain hitam serta bertudung hitam (pelajar Islam sahaja).
 - Berkasut hitam bertutup penuh.
- (iii) Pakaian yang dilarang semasa pendaftaran - Baju-T, Baju kemeja lengan pendek, seluar jeans, seluar pendek, seluar sukan, topi, baju yang ketat, nipis/jarang dan kain berbelah.

9. LAIN-LAIN ARAHAN

- (i) Pelajar wajib mengisi maklumat pendaftaran dengan lengkap di laman web ADTEC Kemaman, <http://apps.adteckmn.gov.my/berjaya> yang merangkumi borang-borang pendaftaran seperti berikut :
 - a) Maklumat Diri Pelajar
 - b) Maklumat Akademik
 - c) Maklumat Ibumapa
 - d) Maklumat Program
- (ii) Semasa pendaftaran, sila bawa bersama :
 - a) Senarai dokumen-dokumen yang terlibat :
 - Senarai dokumen yang perlu di serahkan semasa sesi pendaftaran mengikut **susunan SENARAI SEMAK BAHAGIAN PENGURUSAN PELAJAR & LATIHAN (BPPL)** dan **SENARAI SEMAK BENGKEL** yang telah disertakan pad muka surat yang terakhir dalam panduan pendaftaran ini.
 - **Dokumen 2 hingga 7 perlu diakui sah** oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan A/ Pengerusi MPKK.
 - b) Laporan Pemeriksaan Perubatan yang telah lengkap disahkan oleh Pegawai Perubatan dari Hospital/Klinik Kerajaan atau Swasta.

10. PETA LOKASI ADTEC KEMAMAN



**SENARAI SEMAK BAHAGIAN PENGURUSAN PELAJAR & LATIHAN (BPPL)
SESI 2/2024**

NAMA : _____

NO. K/P : _____ NDP : _____

KURSUS : _____ TARIKH : _____

| BIL | PERKARA | STATUS ADA (/) TIADA (X) |
|------------|--|---------------------------------------|
| 1 | 1 Salinan NDP Pelajar (Nombor kad pelajar) <i>*NDP pelajar akan diterima semasa hari pendaftaran selepas pelajar berdaftar di institut.</i> | |
| 2 | 1 Salinan Kad Pengenalan | |
| 3 | 1 Salinan Surat Tawaran Kemasukan ADTEC Kemaman | |
| 4 | 1 Salinan Keputusan SPM | |
| 5 | 1 Salinan SKM (Tahap 3) / Slip Pengesahan JPK (<i>Calon DT lepasan SKM sahaja</i>) | |
| 6 | 1 Salinan Perakuan Pendawaian Elektrik PW2/PW4 (Calon DT Elektrik Kuasa lepasan SKM Sahaja) | |
| 7 | 1 Salinan akaun CIMB | |
| 8 | 1 Borang <i>Medical Check Up</i> | |
| 9 | Mengisi dan menerima Aku Janji Pelajar <i>*Surat aku janji akan diterima dan diisi selepas hari pendaftaran.</i> | |

**** KEPILKAN BERSAMA DOKUMEN PELAJAR MENGIKUT SUSUNAN SENARAI SEMAK INI. PERLU DISERAHKAN KETIKA SESI PENDAFTARAN.**

SENARAI SEMAK BENGKEL TEKNOLOGI _____
SESI 2/2024

NAMA : _____

NO. K/P : _____ NDP : _____

KURSUS : _____ TARIKH : _____

| BIL | PERKARA | STATUS ADA (/) TIADA (X) |
|-----|--|--------------------------------|
| 1 | 1 Salinan NDP Pelajar (Nombor kad pelajar) <i>*NDP pelajar akan diterima semasa hari pendaftaran selepas pelajar berdaftar di institut.</i> | |
| 2 | 1 Salinan Kad Pengenalan | |
| 3 | 1 Salinan Surat Tawaran Kemasukan ADTEC Kemaman | |
| 4 | 1 Salinan Keputusan SPM | |
| 5 | 1 Salinan SKM (Tahap 3) / Slip Pengesahan JPK (<i>Calon DT lepasan SKM sahaja</i>) | |
| 6 | 1 Salinan Perakuan Pendawaian Elektrik PW2/PW4 (Calon DT Elektrik Kuasa lepasan SKM Sahaja) | |

**** KEPILKAN BERSAMA DOKUMEN PELAJAR MENGIKUT SUSUNAN SENARAI SEMAK INI. PERLU DISERAHKAN KETIKA SESI PENDAFTARAN.**